

05/06/2004

Sistem baru ada nilai sandaran lebih tepat

By Prof Madya Dr Zuhaimy Ismail

PADA awal 2002 ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya umat dan negara Islam cuba menggunakan dinar emas sebagai mata wang perdagangan antarabangsa, seluruh negara berasa ini suatu yang baik dan mengharapkan cadangan ini menjadi kenyataan.

Beliau menyarankan supaya ditingkatkan kefahaman sistem dwilogam ini sebelum ia dilaksanakan kerana umat Islam khususnya tidak menggunakannya sejak lebih 80 tahun yang lalu.

Program pendidikan perlu dilakukan melalui persidangan, seminar, bengkel seterusnya pembentukan kurikulum di sekolah dan pusat pengajian tinggi. Kekurangan pengetahuan mengenai dinar emas akan membawa kepada kurangnya keyakinan kemampuannya sebagai satu sistem mata wang alternatif kepada sistem mata wang kertas.

Pelbagai persoalan dan prasangka seperti dinar emas terlalu mahal, tidak praktikal, emas itu berat untuk dibawa, emas tidak mencukupi, negara pengeluar emas sudah pasti menjadi kaya dan sebagainya timbul.

Semua persoalan ini memang sesuatu yang perlu ditangani walaupun jelas mata wang kertas jauh lebih tidak praktikal kerana nilainya sentiasa disusutkan oleh unsur riba yang ada padanya.

Apakah praktikalnya wang kertas sedangkan ura-ura berita kadar faedah hendak dinaikkan di Amerika, semua sistem kewangan kertas jadi kelam-kabut. Apakah praktikalnya wang kertas jika ia mengandungi sesuatu yang dilaknati Allah?

Apa praktikalnya sistem mata wang dengan riba sedangkan hukum memakan, mengamal dan tidak meninggalkan riba ini lebih berat daripada seseorang itu berzina dengan ibu di hadapan Kaabah (Hadis Sahih)?

Bukankah hukum zina iaitu direjam sampai mati adalah sesuatu perbuatan yang sangat ditegah demi menjaga kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat?

Jadi hukum mengamalkan riba ini jauh lebih berat daripada itu. Umat Islam mesti sedar bahawa wang kertas ini tidak praktikal bukan saja daripada kacamata Islam tetapi seluruh masyarakat dunia.

Sebab itulah ketika permulaan wang kertas diperkenalkan penentangannya bukan saja datang daripada umat Islam tetapi daripada paderi, ahli falsafah seperti Aristotle, Pluto dan pemikir barat yang lain.

Apakah praktikalnya jika sehelai satu dolar Amerika kos percetakannya 4 sen AS tidak sama dengan sehelai 20 dolar Amerika dengan kos percetakannya juga 4 sen AS?

Sedangkan jika satu dinar sekarang ini bersamaan dengan RM240 maka 20 dinar harganya adalah RM4800 (20 kali). Sistem mata wang kertas dolar Amerika tidak logik, masyarakat dunia telah dipukau untuk mempercayainya. Persoalan sekarang adakah kita di kalangan orang yang dipukau untuk berterusan menerima sistem wang kertas ini?

Saranan Tun Dr Mahathir supaya diperbanyakkan lagi seminar, bengkel dan penyelidikan bagi merealisasikan pengenalan dinar emas ini perlu disambut dengan baik.

Isu penting dalam pengenalan dinar emas adalah keraguan masyarakat mengenai beratnya dinar emas dan kononnya sukar dibawa ke mana-mana.

Ramai yang menyuarakan isu ini sebenarnya tidak pernah memegang dinar emas sebab itulah timbul anggapan ini. Pengeluar dinar emas seperti Royal Mint Sdn Bhd, Islamic Mint Sdn Bhd, IGDEXchange, Gold Dinar Research Group dan ISNET, USM dan Dinar-dirham Research Group, UTM seharusnya mempertingkatkan usaha mencari jalan supaya masyarakat boleh melihat dan

memegang kepingan wang dinar emas ini.

Apakah 4.25 gram emas ini lebih berat daripada 250 keping satu Ringgit Malaysia?

Bagaimana dengan Dinar Iraq, Turki dan lain-lain? Yang pasti nilai wang kertas Afghan jauh lebih berat daripada setengah dinar emas. Walau pun ia suatu andaian yang kurang tetap, umat Islam mesti tampil untuk mencari jalan supaya isu anggapan dinar emas ini berat dan sukar untuk digunakan dapat diatasi.

Fahaman bahawa kita perlu membawa uncang emas ke merata tempat untuk membeli komputer atau membayar perkhidmatan sudah tidak relevan lagi pada zaman teknologi maklumat sekarang ini.

Orang kata kita sekarang ini pada zaman ICT dan mata wang kini bukan berbentuk kertas tetapi dalam bentuk digital dan kad kredit. Sebenarnya kini sudah ada sistem mata wang dinar emas dalam bentuk elektronik.

Dinar emas kini beredar melalui internet dengan sistem mata wang dinar emas yang mana setiap unit dalam dinar elektronik ada satu unit dinar emas yang disandarkan.

Akan datang sudah pasti akan dibangunkan sistem kad debit (bukan kad kredit) yang berasaskan jumlah dinar emas yang ada dalam akaun.

Sistem mata wang bersandarkan logam sudah dimulakan di dunia barat. Sekarang ini ada tiga sistem terkenal yang berasaskan kepada logam berharga seperti emas, platinum dan perak.

Salah satu sistem itu adalah e-gold.com (www.e-gold.com) - sistem mata wang elektronik yang disandarkan sepenuhnya dengan emas dalam bentuk emas bulian.

Menurut Umar Ibrahim Vadillo (pengasas dinar emas di zaman moden) sekarang ini ada lebih 300,000 pemegang akaun e-gold.com menggunakan e-gold sebagai mata wang dalam urusan jual-beli melalui internet.

Hasil usaha sama e-gold.com dengan umat Islam di Eropah, satu sistem baru dibangunkan yang dikenali sebagai e-dinar.com (www.e-dinar.com). Konsep yang diguna pakai oleh e-dinar.com adalah sama dengan konsep e-gold.com tetapi mengikut takrifan dinar iaitu setiap unit e-dinar bersamaan dengan 4.25 gram emas yang disimpan atau disandarkan.

Emas yang disandarkan adalah dalam bentuk emas bulian. Sistem ini amat baik sebagai asas memperkenalkan penggunaan mata wang berasaskan dinar emas tetapi ia menghadapi masalah apabila penyimpan dinar emas ingin mendapatkan wangnya dalam bentuk dinar emas fizikal.

Melalui pengalaman, kita didapati e-dinar.com masih tidak berupaya memenuhi permintaan mata wang emas fizikal apabila diminta oleh pelanggan dan masa yang diambil untuk menebus atau menukar dari e-dinar kepada mata wang tempatan memakan masa yang agak lama.

Malaysia menjejaki perkembangan dinar emas ini dengan memperkenalkan sistem yang dikenali sebagai igdexchange.com (www.igdexchange.com).

Sistem ini dibangunkan oleh syarikat IGD Practice Sdn Bhd dan Islamic Mint Sdn Bhd, dua buah syarikat terbabit dalam menempa mata wang dwilogam dan mempromosi penggunaannya.

Konsep digunakan adalah sama dengan apa yang diperkenalkan oleh e-dinar.com tetapi mempunyai nilai sandaran yang tepat. Setiap unit IGD (Islamic Gold Dinar) bersamaan dengan satu dinar emas (4.25 gram emas 22k) yang telah ditempa dan simpan sebagai sandaran.

Sebarang kegagalan mengadakan dinar emas fizikal apabila satu unit IGD dijana, bermakna berlakulah apa yang kita namakan riba sama dengan menjana wang kertas tanpa sebarang sandaran.

Siapakah memastikan bahawa setiap unit dijana dalam Igdexchange ada satu dinar emas yang disandarkan? Untuk memastikan kesahihan ini, IGD Exchange telah memilih Little John Frazier, UK sebuah badan audit profesional antarabangsa yang terkenal. Maklumat ini ada diterangkan dalam laman web

seperti yang diberikan.

Kredibiliti sebegini amat penting bagi meyakinkan masyarakat umum mengenai kewibawaan sistem yang dibangunkan. Akaun dalam IGDexchange boleh dibuka dengan setiap akaun mesti ada sekurang-kurangnya satu IGD.

(END)